

# Naik taraf Hospital Lahad Datu secara berperingkat

**LAHAD DATU:** Usaha menaiktaraf peralatan dan kemudahan di Hospital Lahad Datu akan dilaksanakan secara berperingkat, kata Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Christina Rundi.

Katanya, selain Lahad Datu, hospital di daerah lain turut memohon perkara sama untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

“Proses menaiktaraf tidak dapat dilaksanakan sekali gus dan kerajaan menyedari akan keperluan setiap hospital di negeri ini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dan Jasamu Dikenang di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 350 kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Zon Timur (Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau) serta 46 pesara menerima anugerah perkhidmatan cemerlang.

Christina berharap pengiktirafan itu menjadi pendorong kepada penerima anugerah untuk terus menyampaikan perkhidmatan berkualiti seterusnya menjadi ‘role model’ dan mentor terbaik kepada warga kementerian berkenaan. - Bernama